



07 NOV, 2023

Gagal seludup tiga tenggiling di KLIA2

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Gagal seludup tiga tenggiling di KLIA2

PUTRAJAYA – Cubaan seorang lelaki warga India menyeludup tiga ekor tenggiling yang disembunyikan di dalam bagasi terbongkar apabila dia dicekup pihak berkuasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) baru-baru ini.

Pengarah Operasi Penguatkuasaan Zon Tengah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Wong Pun Sian berkata, suspek berusia 36 tahun itu ditahan pada pukul 9 malam pada 28 Oktober lalu itu selepas mengesan imej mencurigakan pada mesin pengimbas.

“Apabila diperiksa, kita menemui tiga ekor tenggiling spesies armadillo di dalam sebuah bagasi dibawa suspek.

“Siasatan lanjut mendapati suspek telah ditawarkan oleh satu sindiket untuk membawa bagasi itu ke Colombo dengan segala perbelanjaan ditanggung oleh ejen. Suspek kini direman bagi membantu siasatan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Pun Sian, bagasi itu diserahkan kepada suspek di kawasan Gateway KLIA2.



Siasatan lanjut mendapati suspek telah ditawarkan oleh satu sindiket untuk membawa bagasi itu ke Colombo dengan segala perbelanjaan ditanggung oleh ejen. Suspek kini direman bagi membantu siasatan.”

Kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(a) dan Seksyen 139 Akta Kastam 1967 iaitu cubaan mengeksport barang-barang larangan tanpa kelulusan.

Sehubungan itu, JKDM menggesa orang ramai supaya menyalurkan maklumat mengenai penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain bagi mengekang kegiatan haram tersebut.

JKDM boleh dihubungi di talian **1-800-88-8855** dan identiti pemberi maklumat adalah sulit.



PUN SIAN (tiga dari kanan) menunjukkan tenggiling yang dirampas daripada seorang lelaki pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.



07 NOV, 2023

Gagal seludup tiga tenggiling di KLIA2

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA - Cubaan seorang lelaki warga India menyeludup tiga ekor tenggiling yang disembunyikan di dalam bagasi terbongkar apabila dia dicekup pihak berkuasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) baru-baru ini. Pengarah Operasi Penguatkuasaan Zon Tengah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Wong Pun Sian berkata, suspek berusia 36 tahun itu ditahan pada pukul 9 malam pada 28 Oktober lalu itu selepas mengesan imej mencurigakan pada mesin pengimbas.